

SK: Wujud majlis perundingan khas

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April – Kerajaan digesa mewujudkan satu majlis perundingan khas bagi mengkaji semula kedudukan sekolah-sekolah kebangsaan (SK) di negara ini dalam usaha memantapkan lagi mutu sekolah jenis itu.

Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO, Dr. Adham Baba berkata, badan perundingan itu boleh diwujudkan menyerupai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) dan ia digunakan sebagai platform bagi kerajaan merancang secara menyeluruh untuk meningkatkan mutu sekolah terbabit.

“Kita cadangkan penubuhan Majlis Perundingan Pendidikan Bumi-putera atau Majlis Perundingan Pendidikan Negara (Mappen) yang akan berfungsi sama seperti Mapen dalam hal ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Utusan bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan mengenal pasti kelemahan dalam sistem pendidikan negara yang menyebabkan matlamat pendidikan negara tidak tercapai.

Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO semalam berkata, antara kelemahan itu menurut pihak tertentu ialah kerana sistem pendidikan sekarang mengasingkan kaum-kaum yang ada di negara ini

“Sedangkan kita mencipta sekolah kebangsaan dengan niat supaya orang bukan Melayu dan bukan Islam akan pergi ke sekolah kebangsaan,” kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, kata Dr. Adham, sudah sampai masanya kerajaan meningkatkan mutu sistem sekolah kebangsaan sedia ada dengan memberi keutamaan kepada beberapa perkara penting iaitu memperbaiki disiplin sekolah dan menambah peruntukan kewangan sekolah.

Katanya, disiplin sekolah mencakupi kaedah pembelajaran, ketepatan masa dan penambahan guru terlatih terutama mereka yang ma-

hir mengajar bahasa Cina dan India untuk menarik golongan bukan Melayu belajar di sekolah terbabit.

Selain itu, katanya, penambahan peruntukan kewangan bertujuan memperbaiki prasarana sekolah supaya lebih lengkap dan menarik.

Kata beliau, langkah itu perlu bagi memperbaiki mutu sekolah terbabit yang dikatakan menjadi punca kepada ramai ibu bapa bukan Melayu lebih suka menghantar anak mereka belajar di sekolah jenis kebangsaan.

“Tinjauan rambang kita (Biro Pendidikan Pemuda) di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan sejak dua tiga bulan lepas mendapati ramai ibu bapa bukan Melayu mempunyai persepsi tidak baik terhadap sekolah kebangsaan.

“Selain itu, kita mendapati bahawa ramai ibu bapa bukan Melayu di luar bandar sanggup menghantar anak mereka belajar di sekolah jenis kebangsaan yang terletak di bandar walaupun di kampung terdapat sekolah kebangsaan,” katanya.

Malah, katanya, ada kalangan ibu bapa di Johor sanggup menghantar anak mereka belajar di Singapura kerana lebih percaya kepada sistem pendidikan di negara itu.

Sehubungan itu, beliau menegaskan kerajaan perlu bertindak segera supaya sekolah kebangsaan tidak lagi dilihat sebagai sekolah kelas kedua dan tidak menjadi pilihan kepada pelajar bukan Melayu.